NUTP rayu keputusan SPM dikeluar lebih awal pada 23 Mei

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Mei 9, 2024 @ 5:34pm
bhnews@bh.com.my



NUTP rayu keputusan SPM dikeluar lebih awal pada 23 Mei. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) merayu Kementerian Pendidikan (KPM) mengeluarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 lebih awal iaitu pada 23 Mei ini.

Setiausaha Agungnya, Fouzi Singon berkata, ini kerana guru-guru sudah membuat perancangan awal sempena cuti persekolahan yang bermula pada 25 Mei ini.

"Jika mengikut **kenyataan media KPM**, keputusan akan dikeluarkan pada 27 Mei, kebanyakan guru-guru sudah berada di kampung halaman masing-masing dan ada juga guru sudah merancang percutian bersama keluarga masing-masing," katanya dalam satu kenyataan hari ini.



Setiausaha Agung NUTP, Fouzi Singon.

Justeru, katanya NUTP amat berharap pihak KPM dapat membuat pertimbangan semula agar keputusan SPM dapat dibuat sebelum cuti persekolahan bermula.

Rayuan itu dibuat susulan **kenyataan KPM hari ini** yang memaklumkan, keputusan SPM 2023 bakal diumumkan pada 27 Mei ini.

Dalam satu kenyataan, KPM memaklumkan calon yang menduduki peperiksaan itu di sekolah, boleh memperoleh keputusan daripada sekolah masing-masing bermula jam 10 pagi.

Calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan secara dalam talian di pautan myresultspm.moe.gov.my untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan bermula jam 10 pagi pada 27 Mei sehingga jam 6 petang 2 Jun 2024.

Seramai 395,870 orang calon mendaftar peperiksaan SPM 2023 di 3,340 buah pusat peperiksaan seluruh negara.